

## 6

### PRESTIJ PEKERJAAN DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN AWAL

*Syed Arabi Idid\**

Di dalam beberapa kajian yang lalu, para sarjana jarang sekali membuat penelitian mengenai prestij dan jenis pekerjaan yang ada kaitan dengan bidang komunikasi. Kajian-kajian awal memang tidak memasukkan senarai jawatan di bidang kewartawanan, perhubungan awam, periklanan atau penyiaran kerana mungkin pekerjaan itu masih belum diketahui oleh anggota masyarakat. Justeru itu sukar untuk mereka menyatakan kedudukan pekerjaan dalam bidang komunikasi berbanding dengan pekerjaan di bidang lain.

Walau bagaimanapun, akhir-akhir ini mulai terdapat kajian yang telah memasukkan jawatan di bidang komunikasi seperti periklanan, kewartawanan, dan perhubungan awam dalam satu senarai pekerjaan bagi menentukan kedudukan mereka dalam masyarakat (Hitchcock, 1990). Perkembangan seperti ini memang memberi pangsang kepada pengkaji komunikasi untuk mengetahui sejauh mana institusi komunikasi mendapat sanjungan masyarakat.

Perkembangan dari segi kajian status dan prestij pekerjaan tidak begitu menarik perhatian sarjana di Malaysia. Untuk memenuhi kekurangan yang amat dirasakan, kajian ini dilakukan dengan dua tujuan. Tujuan pertama ialah untuk melihat kedudukan pekerjaan dalam masyarakat di Malaysia. Tujuan kedua ialah untuk meninjau sejauh mana jawatan dalam bidang komunikasi mendapat tempat dalam pekerjaan dan kedudukan masyarakat pada amnya. Satu senarai pekerjaan diberikan kepada responden untuk diberikan gred serta penelitian berdasarkan persepsi prestij dan pendapatan setiap pekerjaan yang dinyatakan itu.

#### Latar belakang

Kajian mengenai status dan pembentukan lapisan sosial, banyak membincangkan status pekerjaan. Malahan status pekerjaan dikait rapat dengan status sosial atau kedudukan sosial bagi seseorang individu dalam masyarakat. Apabila status sesuatu pekerjaan itu

---

\* Prof. Madya Dr. Syed Arabi Idid ialah pensyarah dalam bidang Perhubungan Awam di Jabatan komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

dipandang tinggi, maka ini dikaitkan dengan kedudukan status yang tinggi bagi penyandang pekerjaan tersebut.

Untuk menentukan kedudukan sosial sesuatu pekerjaan, para pengkaji lazimnya akan mengaitkan pekerjaan tersebut dengan beberapa ciri. Kebiasaannya tahap pendapatan didapati berkait rapat dengan kedudukan sosial pekerjaan. Sesuatu pekerjaan yang penyandangannya memperoleh pendapatan tinggi akan dianggap mempunyai kedudukan sosial yang tinggi.

Kajian terhadap pekerjaan juga membolehkan pengkaji menentukan status sosio-ekonomi seseorang itu kerana status pekerjaan merupakan tanda penentuan status dari segi sosio-ekonomi. Ada pengkaji yang menyatakan bahawa penentuan status sosio-ekonomi ini disebabkan oleh pertalian di antara pekerjaan dengan pembolehubah pendapatan dan pendidikan. Kajian awal yang melihat kaitan di antara pekerjaan, pendapatan, dan pendidikan dengan prestij bagi seseorang itu dalam masyarakat telah dimulakan dalam tahun 1960an (Hodge, Siegel, dan Rossi, 1964; Hodge, Treiman dan Rossi, 1966).

Sebaliknya pula apabila pekerjaan seseorang itu telah diketahui, pengkaji juga dapat meramalkan tingkat pendidikan dan pendapatan, atau kedudukan sosial penyandang jawatan tersebut.

Terdapat dua jenis kajian mengenai prestij atau kedudukan pekerjaan dalam masyarakat. Corak jenis pertama mengkaji perbezaan yang terdapat di antara pekerjaan, sama ada dari sudut pendapatan, prestij atau kuasa. Jenis kedua melihat perbezaan yang terdapat dalam kumpulan pekerjaan yang sama.

Kajian yang dilakukan oleh North-Hatt-NORC (1947) merupakan kajian jenis pertama. Dalam kajian tersebut, responden di minta memberikan gred kepada pekerjaan yang disenaraikan. Seramai 2930 responden ditemubual dan mereka telah diminta memberikan pengredan terhadap 88 jenis pekerjaan yang disenaraikan. Mereka mendapati bahawa pekerjaan yang paling disanjung tinggi dari segi prestij ialah Hakim Besar; diikuti oleh doktor, Gabenor negeri, dan ahli Kabinet dalam Kerajaan pusat. Pekerjaan mencuci jalan dan mengilat kasut mempunyai prestij yang terendah.

Kajian prestij pekerjaan berdasarkan pendapatan dilakukan oleh Current Population Survey untuk Bureau of the Census for the Bureau of Labour Statistics (Hitchcock, 1990). Sebanyak 244 pekerjaan disenaraikan dan diberikan gred mengikut ketinggian pendapatan. Didapati bahawa pekerjaan yang mendapat gred tinggi (seperti jurutera, analisis sistem, perhubungan awam) memerlukan pendidikan dan latihan formal yang tinggi.

Satu kajian yang meninjau prestij dan jenis pekerjaan telah dilakukan di Santiago, Chile (Carter & Sepueds 1964). Kajian ini mendapati bidang kedoktoran dan menteri mempunyai prestij yang amat tinggi sekali. Keseluruhannya prestij pekerjaan sama seperti yang terdapati oleh North-Hatt-NORC (1947).

Kajian prestij dan pekerjaan telah dilakukan kemudiannya pada tahun 1963, tetapi tidak banyak perubahan dapat dikesan dari segi penentuan prestij sesuatu pekerjaan (Hodge, Siegel, dan Rossi, 1964).

Kajian jenis kedua ialah mengenai pekerjaan dalam kategori sama seperti yang dilakukan oleh Ladinsky (1963) mengenai undang-undang, Blau (1973) mengenai para akademik, atau Bishop dan Bosworth (1988) mengenai pengamal perhubungan awam. Di dalam kajian jenis kedua ini, responden diminta memberikan pengredan jawatan pekerjaan dalam industri yang sama. Misalnya Bishop dan Bosworth (1988) meninjau prestij perhubungan awam dalam sektor kerajaan, pendidikan, organisasi profesional

dan politik.

Asas kajian dalam jenis kedua ialah untuk mengetahui pengredan dalam jenis pekerjaan yang sama. Kajian tentang pekerjaan dan jenis pekerjaan telah dilakukan di Malaysia oleh Riaz Hassan Ismail (1974). Beliau telah mengulas pembahagian jenis pekerjaan yang terkandung dalam Banci Penduduk 1957 dan Kajian Rumahtangga Sosio-Ekonomi Malaysia 1967-1968. Kajian Riaz itu lebih dianggap sebagai satu tafsiran mengenai struktur pekerjaan. Beliau mendapati orang Melayu berada pada tahap miskin kerana memiliki pekerjaan berpendapatan rendah.

Kajian mengenai kedudukan pekerjaan jarang sangat dilakukan oleh sarjana dalam masyarakat yang sedang membangun. Kajian yang melihat kedudukan pekerjaan adalah penting untuk melihat perubahan dalam sesuatu pekerjaan berdasarkan beberapa tahap dan masa. Ini menampakkan satu perubahan sosial telah berlaku. Jika prestij yang tinggi pada satu masa menjadi rendah pada kajian berikutnya, pengkaji dapat melihat beberapa perkara yang terjadi dalam masyarakat. Mungkin penyandang pekerjaan tersebut telah menyebabkan persepsi masyarakat berubah kerana tindak-tanduk penyandang tersebut. Mungkin beberapa pekerjaan lain telah diperkenalkan dalam masyarakat yang mendorong ahli masyarakat memberikan penghargaan kepada penyandang jawatan yang baru itu. Selari dengan itu prestij pekerjaan lain akan menurun. Misalnya pada tahun 1947, dalam kajian North-Hatt-NORC, tidak terdapat pekerjaan yang ada kaitan dengan komputer, tetapi pada masa ini jawatan seperti penganalisis sistem telah muncul. Ini merupakan satu contoh perkembangan yang berlaku dalam teknologi atau perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat kita.

### Kajian Sekarang

Kajian ini merupakan satu tinjauan awal prestij jenis-jenis pekerjaan menurut tanggapan ahli masyarakat. Kajian ini mengaitkan prestij pekerjaan dengan pendapatan. Kajian ini mempunyai dua bahagian. Bahagian pertama menampakkan pembahagian pekerjaan mengikut pengredan prestij yang terdapat pada setiap pekerjaan yang disenaraikan. Bahagian kedua mengaitkan prestij pekerjaan dengan pendapatan berdasarkan satu andaian bahawa terdapat pertalian di antara tingkat prestij dengan tahap pendapatan. Analisis data dilakukan mengikut bangsa dan jantina.

Kajian ini juga berbeza dengan kajian lain kerana memasukkan dua pekerjaan dalam bidang komunikasi iaitu kewartawanan dan perhubungan awam untuk membandingkan kedudukannya dengan kedudukan pekerjaan lain.

### Kaedah Kajian

Kajian ini meliputi seluruh negara. Pemilihan sampel adalah secara berkuota, iaitu jumlah responden ditentukan mengikut bangsa dan jantina.

Sebanyak 13 jenis pekerjaan disenaraikan. Responden diminta memilih lima jenis pekerjaan yang dianggap pekerjaan yang berprestij tinggi. Responden diminta memberikan markat 1 untuk pekerjaan yang mempunyai prestij paling tinggi, 2 sehingga 5 bagi pekerjaan (prestij) lain. Kemudiannya para responden juga diminta menyatakan lima pekerjaan yang dianggap mempunyai gaji yang tinggi, iaitu dengan memilih markat 1 hingga markat 5. Markat 1 ialah untuk pekerjaan yang mempunyai gaji paling tinggi sekali, diikuti dengan markat 2 hingga 5.

Untuk memberikan peluang membuat pemilihan, responden diminta mengenalpasti

pekerjaan yang mereka fikir mempunyai prestij dan gaji yang tinggi sekiranya jawatan itu tidak disenaraikan.

Kajian ini telah dilakukan di seluruh negara bermula 27 April sehingga 13 Mei 1990. Seramai 472 responden ditemubual. terdiri dari 209 Melayu, 200 Cina dan 63 India dan kaum lain. Seramai 255 adalah lelaki dan 217 adalah perempuan.

Soalselidik digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai prestij pekerjaan serta persepsi gaji dari responden. Soalselidik juga memberikan data mengenai sosio-demografi para responden.

### Penemuan

Artikel ini hanya menganalisis data responden Cina dan Melayu sahaja.

Soalselidik telah mengemukakan 13 jenis pekerjaan untuk membolehkan responden menyatakan prestij dan pendapatan yang mereka persepsikan. Walaupun responden dibenarkan menyatakan pekerjaan lain, hanya sebilangan kecil (lima orang) sahaja yang berbuat demikian. Pekerjaan lain yang diberikan ialah penyanyi, pengurus dan pegawai bank. Justeru itu kajian ini tidak mengambil kira pekerjaan tambahan yang diberikan oleh responden selain dari apa yang disenaraikan. Ada dua cara untuk ukuran prestij dan persepsi gaji yang tinggi di kalangan responden. Kedua penemuan dikemukakan untuk makluman. Dalam ukuran pertama, prestij dan persepsi gaji dinyatakan dengan memberikan markat 1 hingga 5. Jadual 1 menunjukkan bahawa 76.5 peratus daripada para responden telah memilih doktor sebagai pekerjaan yang mempunyai prestij yang tinggi. Harus diperhatikan bahawa perbezaan prestij di antara doktor dan menteri tidak jauh berbeza.

Bila dibandingkan dengan prestij yang ada pada pekerjaan tentera, hanya 5.7 peratus yang memberikan markat 1 hingga 5 kepada pekerjaan tersebut. Sebaliknya pula jika diambil hanya markat 1, iaitu pemilihan satu pekerjaan yang paling tinggi sahaja, maka adalah didapati bahawa jawatan menteri adalah yang paling tinggi dipilih dari segi prestij. Ini diikuti dengan pekerjaan doktor, hakim dan peguam. Seramai 43.2 peratus responden menyatakan jawatan menteri mempunyai prestij yang paling tinggi sekali. Ini diikuti dengan jawatan doktor (16.9 peratus), hakim (14 peratus) dan peguam (5.3 peratus). Jawatan yang paling rendah prestijnya ialah pegawai perhubungan awam (0.4 peratus).

Dari segi bangsa pula, Jadual 2 dan 3 menunjukkan perbezaan prestij pekerjaan di kalangan Melayu dan Cina. Bagi orang Melayu, pekerjaan doktor mempunyai prestij yang paling tinggi. Seramai 76.7 peratus Melayu menyatakan demikian. Ini diikuti dengan 75.5 peratus Melayu yang menganggap Menteri mempunyai prestij yang tinggi. Pekerjaan wartawan mempunyai prestij rendah di kalangan responden Melayu.

Jadual 1: Prestij Pekerjaan dan Gaji (dalam kurungan)

	1	2	3	4	5	Jumlah
1. Menteri	43.2 (51.5)	10.0 (7.8)	6.4 (5.5)	5.7 (5.9)	6.6 (5.7)	71.9 (76.5)
2. Doktor	16.9 (12.5)	20.8 (22.9)	19.1 (19.3)	17.8 (13.8)	7.0 (8.8)	81.6 (76.9)
3. Hakim	14.0 (7.2)	22.9 (20.8)	12.1 (11.4)	8.5 (14.2)	8.7 (9.7)	66.1 (63.3)
4. Peguam	5.3 (5.1)	13.6 (13.3)	18.4 (18.4)	15.0 (16.3)	12.1 (11.0)	64.4 (64.2)
5. Guru	4.2 (0.6)	3.8 (1.5)	4.4 (1.7)	5.5 (2.5)	6.6 (4.7)	24.6 (11.0)
6. Jurutera	3.4 (5.3)	6.8 (9.1)	11.7 (8.1)	11.2 (12.7)	9.7 (16.3)	42.8 (51.5)
7. Akauntan	3.0 (3.4)	4.4 (8.1)	4.2 (11.4)	8.9 (10.2)	11.7 (12.3)	32.2 (45.3)
8. Tentera	3.0 (0.4)	3.4 (0.2)	3.4 (1.7)	2.8 (1.1)	3.4 (2.3)	15.9 (5.7)
9. Pensyarah	2.1 (0.2)	4.7 (2.8)	9.3 (7.6)	10.6 (7.6)	11.4 (10.4)	38.1 (28.6)
10. Wartawan	1.1 (0.6)	1.3 (1.3)	1.1 (2.5)	1.9 (2.8)	2.8 (2.1)	8.1 (9.3)
11. Polis	0.8 (1.5)	2.1 (0.6)	4.2 (1.5)	3.4 (1.7)	5.9 (2.8)	16.5 (8.1)
12. P. Kerajaan	0.6 (0.4)	1.9 (1.1)	2.3 (2.1)	4.2 (2.1)	5.9 (3.8)	15.0 (9.5)
13. Perhubungan Awam	0.4 (3.6)	2.1 (3.8)	2.1 (3.2)	2.1 (2.3)	2.3 (4.2)	9.1 (17.2)

**Jadual 2: Prestij Pekerjaan dan Gaji (dalam kurungan) Di Kalangan Melayu**

	1	2	3	4	5	Jumlah
1. Menteri	50.2 (57.9)	8.1 (4.8)	6.2 (4.8)	6.2 (3.3)	4.8 (6.7)	75.5 (75.5)
2. Doktor	12.0 (6.2)	21.1 (18.7)	21.1 (18.7)	17.2 (12.4)	5.3 (11.5)	76.7 (67.5)
3. Hakim	8.6 (8.1)	24.4 (22.5)	11.0 (11.0)	5.3 (14.8)	8.6 (5.3)	57.9 (61.7)
4. Peguam	6.2 (3.3)	11.5 (12.4)	16.7 (14.8)	10.0 (13.4)	11.0 (11.5)	55.5 (55.5)
5. Guru	5.7 (0.5)	6.2 (3.3)	5.7 (1.9)	8.1 (4.3)	8.1 (7.7)	34.0 (17.7)
6. Tentera	4.8 (1.0)	4.8 (0.5)	3.3 (1.0)	5.3 (1.9)	4.8 (3.3)	23.0 (7.7)
7. Akauntan	2.9 (1.0)	2.9 (6.2)	1.9 (11.0)	6.7 (10.5)	12.0 (9.6)	26.3 (38.3)
8. Jurutera	1.9 (5.3)	4.3 (10.0)	11.5 (11.5)	10.0 (12.4)	8.6 (12.4)	36.4 (51.7)
9. Polis	1.9 (2.4)	2.4 (1.0)	5.7 (1.0)	3.8 (2.4)	5.7 (2.4)	19.6 (9.1)
10. Perhubungan Awam	1.0 (5.7)	2.9 (2.9)	1.9 (3.8)	3.3 (2.4)	1.4 (3.3)	10.5 (18.2)
11. Wartawan	1.0 (1.4)	- (2.9)	1.4 (0.5)	3.3 (3.3)	3.3 (1.0)	9.1 (9.1)
12. Pensyarah	0.5 (0.0)	4.8 (5.7)	8.6 (9.6)	13.9 (9.6)	13.4 (13.4)	41.1 (38.3)
13. Kerajaan	0.5 (1.0)	2.9 (1.9)	4.3 (4.3)	6.7 (3.8)	8.1 (5.3)	22.5 (16.3)

Jadual 3: Prestij Pekerjaan dan Gaji (Dalam Kurungan) Di Kalangan Cina

	1	2	3	4	5	Jumlah
1. Menteri	37.5 (47.6)	12.0 (9.1)	6.3 (7.2)	5.8 (8.7)	8.2 (5.3)	69.7 (73.9)
2. Hakim	20.7 (5.8)	24.0 (19.7)	11.1 (12.0)	10.6 (14.9)	8.7 (13.5)	75.0 (66.9)
3. Doktor	20.2 (19.7)	21.2 (25.5)	19.2 (21.2)	17.3 (12.5)	9.1 (6.7)	87.0 (85.6)
4. Peguam	4.8 (5.8)	15.4 (15.9)	20.2 (20.7)	19.7 (19.2)	12.0 (10.1)	72.1 (71.6)
5. Jurutera	3.8 (5.3)	5.8 (8.7)	12.0 (4.8)	13.0 (14.4)	10.6 (19.2)	45.2 (42.4)
6. Guru	3.8 (0.5)	2.4 (0.0)	4.3 (1.0)	3.4 (0.5)	4.3 (2.4)	18.3 (4.3)
7. Pensyarah	3.4 (0.5)	4.3 (0.5)	9.6 (4.8)	8.7 (6.3)	11.1 (7.7)	37.0 (19.7)
8. Akauntan	1.9 (5.3)	6.3 (11.51)	6.7 (13.5)	12.0 (11.1)	12.5 (17.3)	39.4 (48.7)
9. Tentera	1.4 (0.0)	1.9 (0.0)	3.4 (1.9)	0.5 (0.5)	2.9 (1.0)	1.1 (3.4)
10. Kerajaan	0.5 (0.0)	1.4 (0.5)	1.0 (0.5)	2.4 (1.0)	4.3 (2.4)	9.6 (4.3)
11. Wartawan	1.0 (0.0)	1.0 (0.0)	1.0 (2.4)	0.5 (1.4)	2.9 (3.4)	6.4 (7.2)
12. Polis	0.0 (0.5)	1.9 (0.5)	2.4 (2.4)	2.9 (1.0)	6.3 (2.9)	13.5 (7.2)
13. Pegawai Perhubungan Awam	0.0 (1.4)	1.0 (2.9)	1.9 (2.9)	1.4 (1.9)	2.4 (3.8)	6.7 (13.0)

Bagi orang Cina, pekerjaan doktor mempunyai prestij yang paling tinggi. Ia disebutkan demikian oleh 87 peratus daripada para responden. Pekerjaan yang mempunyai prestij tinggi berikutnya ialah , hakim (75 peratus), peguam (72.1 peratus), dan menteri (69.7 peratus). Apabila diukur dengan hanya memilih markat 1 sahaja, maka pekerjaan yang mempunyai prestij yang paling tinggi sekali di kalangan orang Melayu ialah pekerjaan menteri. Ini diikuti dengan pekerjaan doktor, hakim dan peguam. Seramai 50.2 peratus orang Melayu menyatakan jawatan menteri mempunyai prestij yang tinggi berbanding dengan 12 peratus yang menyatakan demikian bagi pekerjaan doktor, atau 8.6 peratus bagi pekerjaan hakim dan 6.2 peratus bagi pekerjaan peguam.

Responden Cina pula memberikan penghargaan yang sama seperti responden Melayu. Walau bagaimanapun bagi responden Cina hanya seramai 37.5 peratus sahaja yang menyatakan menteri mempunyai prestij yang paling tinggi, berbanding dengan 20.7 peratus yang berkata demikian bagi pekerjaan hakim atau 20.2 peratus bagi pekerjaan doktor. Pekerjaan pegawai perhubungan awam dan polis tidak diberikan prestij tinggi oleh responden Cina.

Jadual 4 dan 5 menunjukkan prestij pekerjaan yang dinyatakan oleh responden perempuan dan lelaki. Kajian mendapati responden perempuan memberikan prestij yang tinggi sekali kepada pekerjaan doktor (80.2%). Pekerjaan keduanya ialah Menteri (74.7 peratus). Jawatan yang rendah prestijnya ialah pekerjaan perhubungan awam dan wartawan (8.8 peratus setiap satu).

Apabila kajian meneliti prestij mengikut markat 1 sahaja, maka jawatan yang mempunyai prestij yang amat tinggi sekali ialah menteri (42.9 peratus ), diikuti dengan prestij yang ada pada jawatan doktor (20.3 peratus). Pekerjaan wartawan adalah rendah sekali (0 peratus), iaitu selepas pekerjaan polis (0.5 peratus).

Jadual 5 menunjukkan data bagi responden lelaki. Jika dianalisis mengikut markat 1 hingga 5, maka didapati bahawa doktor mempunyai prestij yang tinggi sekali. Ini diikuti dengan prestij seorang menteri (70.2 peratus ).

Jika dianalisis mengikut markat 1 sahaja, maka pekerjaan menteri didapati mempunyai prestij yang amat tinggi sekali (43.5 peratus). Jawatan kehakiman didapati mempunyai prestij yang kedua tingginya. Seramai 15.3 peratus dari responden lelaki menyatakan pekerjaan hakim mempunyai prestij yang kedua tingginya. Ini diikuti dengan prestij yang ada pada seorang doktor (14.1 peratus).

### **Pendapatan**

Kajian telah juga menanyakan responden dari segi persepsi pekerjaan berdasarkan pendapatan. Mereka dikehendaki memilih markat 1 hingga 5 bagi pekerjaan yang mereka anggap mempunyai pendapatan yang tinggi. Dari data yang dipungut, kajian mendapati bahawa para responden menganggap pekerjaan doktor (76.9 peratus) dan menteri (76.5 peratus) mempunyai pendapatan yang tinggi. Ini diikuti dengan pekerjaan peguam (64 peratus) dan hakim (63 peratus). Jawatan yang dianggap mempunyai gaji yang paling rendah ialah tentera (6 peratus) (Lihat Jadual 1 ).

Jika dianalisis mengikut bangsa pula, didapati bahawa bagi orang Melayu, menteri dianggap mempunyai pendapatan yang paling tinggi (75.5 peratus ), diikuti dengan doktor (67.5 peratus), hakim (61.7 peratus). Pegawai tentera dipersepsikan sebagai mempunyai pendapatan yang paling rendah (8 peratus) (Lihat Jadual 2).

Jika dianalisis dengan hanya menggunakan markat 1 sahaja, maka Jadual 2 menunjukkan bahawa menteri dipersepsikan sebagai mempunyai pendapatan yang paling



tinggi sekali. Seramai 57.9 peratus dari responden Melayu menyatakan menteri mencrima pendapatan yang paling tinggi. Ini diikuti dengan jawatan hakim Seramai 8.1 peratus, pekerjaan doktor (6.2 peratus), pegawai perhubungan awam (5.7 peratus). Jawatan yang dipersepsikan sebagai memperoleh pendapatan yang paling rendah sekali ialah pensyarah (0.0 peratus).

**Jadual 4: Prestij Pekerjaan dan Gaji (dalam kurungan) di Kalangan Perempuan**

	1	2	3	4	5	Jumlah
1. Menteri	42.9 (54.98)	11.5 (7.8)	6.9 (4.6)	5.5 (5.5)	6.9 (5.5)	74.7 (78.3)
2. Doktor	20.3 (12.9)	20.3 (25.8)	19.4 (18.4)	11.5 (12.9)	8.8 (5.1)	80.2 (75.1)
3. Hakim	12.4 (6.5)	20.3 (17.5)	12.4 (12.0)	8.8 (16.1)	9.2 (10.1)	63.1 (62.2)
4. Peguam	5.1 (2.8)	15.7 (13.4)	18.9 (20.3)	16.1 (12.9)	11.1 (15.2)	66.8 (64.5)
5. Guru	4.1 (0.5)	4.1 (1.4)	2.8 (2.3)	6.5 (2.3)	6.9 (4.6)	24.4 (11.1)
6. Jurutera	3.2 (5.5)	8.3 (8.8)	12.9 (6.5)	9.7 (11.5)	7.4 (16.6)	41.5 (49.8)
7. Tentera	2.3 (0.0)	2.8 (0.0)	3.2 (0.9)	2.3 (0.5)	2.3 (1.8)	12.9 (3.2)
8. Akauntan	2.3 (3.2)	3.7 (8.3)	3.2 (11.1)	11.5 (10.1)	11.1 (11.1)	31.8 (43.8)
9. Pensyarah	1.8 (0.0)	4.1 (0.9)	9.7 (6.0)	9.7 (7.4)	12.9 (9.7)	38.7 (24.0)
10. Pegawai Kerajaan	0.9 (0.0)	1.8 (1.4)	2.8 (3.7)	4.1 (3.2)	4.6 (4.6)	16.3 (12.9)
10. Pegawai Perhubungan Awam	0.9 (3.7)	1.8 (1.4)	1.4 (3.7)	1.8 (3.2)	2.8 (4.6)	8.8 (12.9)
12. Polis	0.5 (0.9)	1.8 (0.0)	3.2 (1.8)	3.7 (2.8)	4.6 (0.9)	13.8 (6.5)
13. Wartawan	0.0 (0.5)	1.8 (1.0)	1.4 (2.8)	3.2 (3.7)	2.3 (2.3)	8.8 (10.6)

Jadual 5: Prestij Pekerjaan dan Gaji (dalam kurungan) di Kalangan Lelaki

1. Menteri	43.5 (48.6)	8.6 (7.8)	5.9 (6.3)	5.9 (6.3)	6.3 (5.9)	70.2 (74.9)
2. Hakim	15.3 (7.8)	25.1 (23.5)	11.8 (11.0)	8.2 (12.5)	8.2 (9.4)	68.6 (64.2)
3. Doktor	14.1 (12.2)	21.2 (20.4)	18.8 (20.0)	23.1 (14.5)	5.5 (11.4)	82.7 (78.4)
4. Peguam	5.5 (7.1)	11.8 (13.3)	18.0 (16.9)	14.1 (19.2)	12.9 (7.5)	63.4 (64.0)
5. Jurutera	3.5 (5.1)	5.5 (9.4)	10.6 (9.4)	12.5 (13.7)	11.8 (16.1)	43.9 (53.7)
5. Akauntan	3.5 (3.5)	5.1 (7.8)	5.1 (11.8)	6.7 (10.2)	12.2 (13.3)	32.5 (46.7)
7. Guru	4.3 (0.8)	3.5 (1.6)	5.9 (1.2)	4.7 (2.7)	6.3 (4.7)	24.7 (11.0)
8. Tentera	3.5 (0.8)	3.9 (0.4)	3.5 (2.4)	3.1 (1.6)	4.3 (2.7)	18.4 (7.8)
9. Pensyarah	2.4 (0.4)	5.1 (4.3)	9.0 (9.0)	11.4 (7.8)	10.2 (11.0)	38.00 (32.5)
10. Wartawan	2.0 (0.8)	0.8 (1.2)	0.8 (2.4)	0.8 (2.0)	3.1 (2.00)	8.5 (8.2)
11. Pegawai Polis	1.2 (2.0)	2.4 (1.2)	5.1 (1.2)	3.1 (0.8)	7.1 (4.3)	18.8 (9.4)
12. Pegawai Kerajaan	0.4 (0.8)	2.0 (0.8)	2.0 (0.8)	4.0 (1.2)	7.1 (3.1)	15.5 (6.7)
13. Pegawai Perhubungan Awam	0.0 (3.5)	2.4 (3.5)	2.7 (3.5)	2.4 (1.2)	2.00 (3.1)	9.4 (14.9)

Kajian mendapati ada beberapa persamaan dan perbezaan bagi kumpulan Cina. Jika diukur mengikut markat 1 hingga 5 maka adalah didapati bahawa responden Cina menganggap doktor mempunyai pendapatan yang paling tinggi. Seramai 85.6 peratus menyatakan demikian. Ini diikuti dengan pekerjaan menteri. Seramai 73.9 peratus berkata jawatan menteri menerima pendapatan yang paling tinggi, diikuti dengan 71.6 peratus bagi pekerjaan peguam dan 66.9 peratus bagi jawatan hakim. Pekerjaan yang

dianggap mempunyai pendapatan yang paling rendah sekali ialah pegawai tentera (3.4 peratus).

Jika dianalisis mengikut markat 1 sahaja, maka kajian mendapati bahawa jawatan menteri dipersepsikan sebagai mempunyai pendapatan yang paling tinggi oleh majoriti responden (47.6 peratus) dan diikuti dengan pekerjaan doktor (19.7 peratus). Seramai 5.8 peratus berkata hakim dan peguam menerima pendapatan yang sangat tinggi. Pekerjaan yang dipersepsikan sebagai mempunyai pendapatan yang rendah ialah wartawan, pegawai kerajaan dan polis.

Jadual 4 menunjukkan bahawa jika diukur mengikut markat 1 hingga 5, maka jawatan menteri dipersepsikan sebagai menerima pendapatan yang sangat tinggi. Seramai 78.3 peratus kaum perempuan berkata bahawa menteri menerima pendapatan yang sangat tinggi, dan 75.1 peratus berkata para doktor yang menerima gaji yang paling tinggi. Pekerjaan peguam dipersepsikan sebagai menerima pendapatan yang ketiga tingginya (64.5 peratus) diikuti oleh jawatan hakim (62.2 peratus). Pekerjaan yang dipersepsikan sebagai menerima pendapatan yang rendah ialah pegawai polis (6.5 peratus) dan pegawai tentera (3.2 peratus).

Walau bagaimanapun, jika dianalisis mengikut markat 1 sahaja, maka pengredan pekerjaan yang dipersepsikan sebagai menerima pendapatan yang tinggi ialah menteri (55.0 peratus), doktor (12.9 peratus), hakim (6.5 peratus) dan jurutera (5.5 peratus). Pekerjaan yang dianggap sebagai menerima pendapatan yang rendah ialah wartawan, guru, pensyarah dan pegawai tentera.

Persepsi kaum lelaki mempunyai beberapa persamaan dan perbezaan dengan perempuan. Jika diukur melalui markat 1 hingga 5 (lihat Jadual 5), maka doktor dinyatakan sebagai mempunyai pendapatan yang paling tinggi oleh 78.4 peratus responden. Seramai 74.9 peratus pula mempersepsikan menteri sebagai menerima pendapatan yang tinggi selepas para doktor. Para hakim dan peguam dipersepsikan sebagai menerima gaji yang ketiga dan keempat tingginya. Pegawai kerajaan dipersepsikan sebagai memperoleh pendapatan yang sangat rendah (6.7 peratus).

Jadual 5 juga menunjukkan data yang dianalisis mengikut markat 1 sahaja iaitu mengikut pengredan. Majoriti responden Melayu (48.6 peratus) menyatakan menteri menerima gaji yang sangat tinggi, diikuti dengan gaji para doktor (12.2 peratus), hakim (7.8 peratus) dan peguam (7.1 peratus). Para wartawan, pegawai tentera, pegawai kerajaan dan pensyarah dipersepsikan sebagai menerima gaji yang rendah.

#### **Pertalian di antara prestij dan pendapatan**

Kajian mengandaikan bahawa prestij sesuatu pekerjaan itu dikaitkan dengan pendapatan, iaitu lebih tinggi pendapatan penyandang maka lebih tinggi prestij pekerjaan. Untuk tujuan ini korelasi Pearson digunakan. Jadual 6 menunjukkan bahawa, pada sebahagian besarnya, terdapat korelasi yang mempunyai taraf keertian yang signifikan kecuali bagi pekerjaan guru, wartawan dan pegawai perhubungan awam.

Bagi orang Melayu pula, korelasi yang bererti terdapat bagi semua pekerjaan kecuali pekerjaan guru, wartawan, pegawai perhubungan awam, jurutera, dan akauntan. Bagi responden Cina pula, korelasi yang tidak bererti terdapat bagi pekerjaan guru, pegawai tentera, pegawai perhubungan awam, wartawan dan pegawai Kerajaan.

Kesimpulannya prestij berkait rapat dengan pendapatan. Ini bermakna bahawa prestij yang ada pada menteri, doktor atau peguam adalah berkait dengan pendapatan yang dianggap tinggi oleh para responden. Sebaliknya pula pekerjaan yang dianggap

rendah prestijnya dihubungkan dengan faktor pendapatan rendah.

**Jadual 6: Korelasi di Antara Prestij Pekerjaan dan Pendapatan Mengikut Bangsa**

	Cina	Melayu	Kesemua
Tentera	.0001	.8258*	.5093*
Guru	.4841	.1372	.0005
Peguam	.5189*	.2918*	.1374*
Doktor	.4291*	.3043*	.3000*
Perhubungan Awam	-.1127	.1254	.1500
Menteri	.5212*	.3550*	.4385*
Jurutera	.4934*	.1983	.3960*
Wartawan	-.5721	.5112*	.05227
Pegawai Polis	.8944*	.6625*	.7168*
Pensyarah	.3219*	.3066*	.2570*
Pegawai Kerajaan	-.3015	.7420*	.6430*
Akauntan	.3037*	.1459	.3382*
Hakim	.3239*	.3495*	.3468*

\* Paras keertian < 0.05

Jadual 6 menunjukkan beberapa perkara yang harus diberikan perhatian. Ada beberapa jawatan yang menunjukkan pertalian yang signifikan di antara prestij dan pendapatan. Misalnya pertalian bagi pekerjaan pegawai tentera adalah signifikan bagi bangsa Melayu tetapi tidak bagi bangsa Cina. Begitu juga pekerjaan wartawan dan Pegawai Kerajaan. Sebaliknya kejuruteraan dan perakaunan didapati signifikan bagi bangsa Cina tetapi tidak demikian bagi bangsa Melayu. Ini menunjukkan bahawa

**Jadual 7: Korelasi Di Antara Prestij Pekerjaan dan Pendapatan Mengikut Jantina**

	Lelaki	Perempuan
Tentera	.4690*	.0001
Guru	.0128	-.0336
Peguam	.3333*	.4959*
Doktor	.3210*	.4708*
Pegawai Perhubungan Awam	.0870	.3104
Menteri	.4052*	.4819*
Jurutera	.4005*	.4003*
Wartawan	.3211	-.2802
Pegawai Polis	.6675*	.8165*
Pensyarah	.2188	.3042*
Pegawai Kerajaan	.8192*	.4776*
Akauntan	.3957*	.2661*
Hakim	.3254*	.3744*

\* Paras Keertian < 0.05

terdapat perbezaan di antara bangsa Melayu dan bangsa Cina dari segi pertalian di antara prestij dan pendapatan bagi pekerjaan-pekerjaan tertentu.

Orang-orang Melayu menganggap bahawa pegawai Kerajaan dan pegawai tentera mempunyai pendapatan yang tinggi tetapi tidak bagi bangsa Cina kerana ramai pegawai kerajaan dan pegawai polis terdiri dari bangsa Melayu. Walau bagaimanapun, pertalian di antara prestij pekerjaan dan pendapatan lain seperti menteri, pegawai polis, pensyarah atau hakim tidak berbeza.

Apabila ditinjau korelasi dari segi jantina, terdapat korelasi yang signifikan bagi kumpulan lelaki tetapi tidak signifikan bagi kumpulan perempuan. Misalnya, korelasi pendapatan dan prestij jawatan pegawai tentera adalah signifikan bagi kumpulan lelaki, tidak bagi kumpulan perempuan. Sebaliknya pula terdapat korelasi yang signifikan bagi prestij dan pendapatan bagi pekerjaan pensyarah di kalangan responden perempuan.

### Kesimpulan

Hasil kajian mendapati bahawa beberapa pekerjaan mempunyai prestij yang tinggi di kalangan masyarakat. Terdapat juga perbezaan tanggapan di antara responden Melayu dan Cina terhadap beberapa pekerjaan dari segi prestij dan pendapatan. Perbezaan juga terdapat pada responden lelaki dan perempuan. Pada keseluruhannya, jawatan menteri, doktor, peguam dan hakim dipandang tinggi.

Kajian juga mengandaikan wujudnya pertalian di antara prestij dan pendapatan, satu pekerjaan yang mempunyai prestij tinggi akan dipersepsi oleh orang ramai sebagai mempunyai pendapatan yang tinggi. Hasil kajian ini menampakkan bahawa sebahagian besar dari pekerjaan menunjukkan korelasi yang bererti di antara prestij dan pendapatan kecuali bagi pekerjaan seperti guru, pegawai perhubungan awam, dan wartawan. Bagi orang Melayu, prestij tidak dapat dikaitkan secara bererti dengan pendapatan bagi jawatan guru, jurutera perhubungan awam dan akauntan. Untuk responden Cina pula, prestij tidak berkait secara bererti dengan pendapatan pegawai tentera, guru, pegawai kerajaan, wartawan dan perhubungan awam.

Apa yang dapat dikesan dari kajian ini ialah (kecuali jawatan menteri) pekerjaan yang bersifat profesional diberikan prestij yang tinggi oleh orang ramai. Pekerjaan yang bersifat profesional itu memerlukan latihan dan kelayakan serta kemahiran dan kewibawaan. Penyandang profesion ini memperolehi gaji yang tinggi.

Kajian ini menampakkan bahawa pekerjaan yang bersifat profesional mempunyai status yang tinggi di dalam masyarakat. Pekerjaan yang bercorak profesional terbuka seperti guru, wartawan dan perhubungan awam mempunyai prestij yang rendah, bila dibandingkan dengan profesion yang lain.

Didapati tidak ramai responden yang mengetahui jawatan seperti pegawai perhubungan awam. Bagi jawatan wartawan dan perhubungan awam pula tidak ramai responden yang mengetahui bahawa jawatan tersebut memerlukan pendidikan dan latihan yang tinggi. Ini amat berbeza sekali dengan pekerjaan pegawai pemasaran dan periklanan di Amerika Syarikat yang diberi gaji yang tinggi, setaraf dengan pendapatan peguam dan jurutera (mekanikal, elektrik, elektronik) (Hitchcock, 1990).

Hasil kajian ini tidak jauh berbeza dengan pengkaji luar, kecuali bagi jawatan menteri. Dalam kajian-kajian yang lalu, jawatan menteri di negara-negara lain tidak mempunyai prestij yang tinggi seperti yang diberikan oleh rakyat Malaysia. Di negara-negara lain tandingan untuk mendapatkan prestij yang tinggi ialah di antara peguam dan doktor.

Apa yang boleh dilakukan pada masa-masa depan ialah menambahkan lagi senarai pekerjaan yang terdapat di Malaysia. Jumlah sebanyak 13 jenis pekerjaan yang dikemukakan dalam kajian ini difikirkan tidak mencukupi. Pembolehubah lain dapat diperkenalkan seperti kuasa atau kewibawaan sesuatu pekerjaan. Ini akan dapat memperkukuhkan lagi konsep prestij itu. Pengkaji di bidang komunikasi memperkenalkan pekerjaan seperti siarawan, penyunting, pengarah filem, eksekutif akaun iklan dan sebagainya. Buat permulaan hasil kajian ini boleh dijadikan landasan untuk kajian yang bercorak empirikal pada masa akan datang.

### Rujukan

- Alattas, Syed Hussein. (1972). The grading of occupational prestige among the Malays in Malaysia. Dalam *Modernization and Social Change*. Singapore: Angus & Robertson, 87-99.
- Bishop, R. L. & Bosworth, A. M (1980). Correlates of prestige and success in public relations. Paper presented at ICA Seminar, in Washington.
- Blau, P. M. & Duncan, O. D. (1972). The American occupational structure: Patterns of movement. Dalam P. Blumberg. (ed). *The impact of social class*. New York: Thomas, 495-551.
- Carter, R. E. & Sepulveda, O. (Sept. 1964). Occupational prestige in Santiago de Chile. *The American Behavioral Scientist*. 20-24.
- Centers R. "... from the Psychology of Social Classes." Dalam P. Blumberg. (ed). *The impact of social class*. New York: Thomas. 246 - 254.
- Hitchcock, S. (Fall, 1990). Ranking occupational earnings. *Occupational Outlook Quarterly*. 26-33.
- Hodge, R. W; Siegel, P. M., & Rossi, P. H. (1925-63). Occupational prestige in the United States, 1925-63. Dalam P. Blumberg. (ed). *The impact of social class*. New York: Thomas. 229-245.
- Ladinsky, J. G. (February, 1963). Careers of Lawyers, Law Practice, and Legal Institutions. *American Sociological Review*, 28, 47-54.
- Lynd, R.S. & Lynd, H.M. (1937). *Middletown In Transition*. New York: Harcourt, Brace.
- Matras, J. (1975). *Social inequality, stratification and mobility*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall. Inc.
- \_\_\_\_\_. (1929). *Middletown*. New York: Harcourt, Brace.
- Rizal Hassan. (1974). Some aspects of occupational and class structure in West Malaysia. Dalam Hans - D. Evers & Riaz Hassan (Pygt). *Studies on Social Stratification in Southeast Asia*. Singapore: University of Singapore.